

11/79

UCAPAN YAB DATUK HUSSEIN ONN,  
 TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN YANG  
 DIPERTUA, PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
 DI UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH KEPADA  
PEMENANG-PEMENANG PERADUAN KARANGAN  
SEJARAH MALAYSIA 1973 DI BALAI BUDAYA,  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR  
PADA HARI JUMAAT, 9HB NOVEMBER, 1973  
JAM 9.30 PAGI.

Nota: Dibacakan oleh Menteri Pelajaran  
 Enah Mohamed Yaacob.

Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Kerja  
Persatuan Sejarah Malaysia,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

1. Peranan saya dalam Majlis ini ada dua. Satu, sebagai jawatan saya yang baru dan yang demikian, telah diminta memberikan ucapan. Kedua, sebagai Yang Dipertua Persatuan Sejarah yang mewajibkan saya hadir dalam sebarang upacara yang mengenai Persatuan ini. Oleh yang demikian, saya merasa gembira kerana dapat hadir dalam Majlis ini dan mengucapkan terimakasih kerana menjemput saya menyampaikan sepatah dua kata, dan seterusnya untuk menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang Peraduan Karangan Sejarah Malaysia.

2. Saya merasa bangga kerana Persatuan Sejarah Malaysia yang telah ditubuhkan pada 30hb April, 1953 yang lalu telah berkembang pesat dan mencapai peringkat yang menggalakkan. Dari sebuah Persatuan yang hanya mempunyai sebuah Majlis dan lapan buah cawangan peringkat daerah, sekarang, selepas 20 tahun usianya, ia sudah mempunyai 13 Cawangan peringkat Negeri, 6 Cawangan-cawangan peringkat daerah, dan seramai lebih kurang 800 orang ahli di seluruh negara. Cawangan yang terbaharu sekali iaitu Daerah Dinding telah dilancarkan oleh YB Tuan Haji Mohamed bin Yaacob, Naib Yang Dipertua Persatuan, di Lumut dua hari yang lepas.

Memandangkan bertambahnya minat orang ramai terhadap sejarah tanah air kita, khasnya di daerah-daerah, beberapa langkah telah diadakan untuk membolehkan penubuhan Cawangan peringkat kawasan serta daerah. Beberapa pindaan yang sesuai akan ditimbang dalam Mesyuarat Majlis tahunan akan datang bagi melicinkan lagi perjalanan Cawangan-cawangan dan juga untuk memperkuatkan lagi kedudukan Persatuan Sejarah Malaysia pada keseluruhannya.

3. Bercakap mengenai tujuan perjumpaan hari ini, saya merasa sukacita mendengar daripada Tuan Haji Hamdan mengenai kemajuan yang telah dicapai dalam Peraduan Karangan Sejarah Malaysia yang kedua tahun ini.

Selain daripada menimbulkan kesedaran serta menambahkan minat orang ramai terhadap sejarah Malaysia, Peraduan Karangan ini telah menitikberatkan kepentingan penulisan sejarah tempatan. Saya yakin penulisan sejarah tempatan akan dapat memperkayakan sejarah negeri dan seterusnya sejarah negara dengan cara meluas dan mendalam. Dengan berbuat demikian, kita berharap penulisan sejarah nasional akan dapat ditinjau dari 'perspektif' dan kacamata rakyat negara ini sendiri.

4. Untuk mencapai matlamat ini, saya ingin menyeru badan-badan sejarah di negara kita supaya bekerjasama antara satu sama lain untuk mengkaji, mengumpul dan menulis sejarah tanah air kita.

Pertubuhan-pertubuhan sejarah di semua sekolah, maktab dan universiti hendaklah menyediakan rancangan-rancangan kegiatan untuk setahun terlebih dahulu dan melaksanakan segala rancangan itu secara licin dan sistematik. Sukacitalah saya mendengar bahawa Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia sedang menjalankan beberapa projek bersama yang berkaitan dengan penyelidikan sejarah negeri-negeri di Malaysia. Kerjasama seperti ini sangat-sangatlah diperlukan untuk memupuk identiti nasional melalui bidang sejarah.

5. Semenjak saya menjadi Yang Dipertua Persatuan Sejarah Malaysia, saya telah menegaskan betapa pentingnya sebaran am iaitu Radio, Talivisyen dan Akhbar menyiarkan berita-berita sejarah untuk maklumat rakyat negara kita. Dengan mendengar serta membaca berita-berita sejarah, orang-orang ramai, kebanyakannya teridiri dari mereka yang tidak berapa cenderung kepada sejarah sebagai satu mata pelajaran akademik, akan menaruh minat terhadap unsur-unsur Sejarah Malaysia. Di samping itu, beribu-ribu orang pelancung yang melawat ke negara kita tiap-tiap tahun akan dapat memahami sedikit sebanyak sejarah negara kita.

6. Memanglah tidak dapat dinafikan bahawa peranan yang dimainkan oleh tiap-tiap Cawangan Negeri dalam usaha menjalankan kegiatan-kegiatan sejarah akan memberikan manfaat yang besar kepada negeri masing-masing dan juga kepada negara kita. Mengikut perlembagaan, semua Cawangan mestilah mengadakan sekurang-kurangnya lima kali mesyuarat dalam setahun. Tetapi, tidaklah memadai jika Jawatankuasa Kerja Cawangan Negeri hanya mengadakan mesyuarat tanpa mengemukakan rancangan-rancangan konkrit. Saya suka mengisytiharkan supaya semua Cawangan Persatuan peringkat Negeri mengadakan MINGGU SEJARAH tiap-tiap tahun mulai tahun hadapan.

Dalam MINGGU SEJARAH itu berbagai-bagai aktiviti yang berkaitan dengan sejarah boleh diadakan.

Tetapi, yang paling mustahak sekali ialah usaha-

usaha yang dilaksanakan patutlah mencerminkan

kerjasama erat antara badan-badan sejarah,

jabatan-jabatan kerajaan bersama-sama pihak

swasta dalam usaha menarik perhatian orang

ramai terhadap kepentingan sejarah negara kita.

Surat siaran akan dikirimkan kepada semua

Cawangan Negeri Persatuan Sejarah Malaysia

untuk mengadakan MINGGU SEJARAH di negeri

masing-masing samaada pada minggu yang tertentu

atau mengambil sempena sebarang perayaan di

negeri itu masing-masing.



7. Saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pemenang-pemenang dalam Peraduan Karangan Sejarah Malaysia tahun 1973. Kepada peserta-peserta yang kurang bernasib baik, saya harap mereka janganlah berputus asa dan cubalah lagi dalam peraduan-peraduan karangan pada tahun hadapan.

8. Persatuan Sejarah Malaysia banyak terhutang budi kepada pihak Lee Foundation, Lembaga Loteri Perkhidmatan dan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, kerana sumbangan mereka untuk menyelenggarakan Peraduan Karangan Sejarah Malaysia 1973.

Tanpa bantuan mereka, Peraduan ini tidak mungkin dapat mencapai kejayaan yang cemerlang ini.

9. Akhir sekali, saya ingin menyampaikan rasa penghargaan kepada Pengerusi Jawatankuasa Upacara Penyampian Hadiah dan semua ahli-ahli Jawatankuasanya dan juga kepada semua pihak yang terlibat dalam Peraduan ini atas kerjasama dan usaha mereka.

10. Mudah-mudahan Peraduan Karangan Sejarah Malaysia akan mencapai kejayaan yang lebih besar lagi pada masa hadapan.





No Siri .....	619
No Penerimaan .....	12/84